

SOMPO TravelSafe Overseas
Maklumat Produk Tambahan

Sila baca Maklumat Produk Tambahan ini dengan teliti.

Jadual Manfaat:

MANFAAT		HAD SETIAP INDIVIDU / SETIAP KEJADIAN	JUMLAH DIINSURANSKAN (RM)		
1	PERBELANJAAN PERUBATAN & LAIN-LAIN		ELITE A	ELITE B	ELITE C
1.1	Perbelanjaan Perubatan, Hospital & Lain-lain	Sehingga 70 tahun Melebihi 70 tahun	500,000 150,000	300,000 100,000	150,000 75,000
1.2	Perubatan Alternatif*	Setiap Individu	1,000	1,000	T/B
1.3	Manfaat Penjagaan Simpati (akibat kemasukan Anda ke hospital)*	Setiap Individu	7,500	7,500	5,000
1.4	Manfaat Penjagaan Simpati (akibat kematian Anda) *	Setiap Individu	7,500	7,500	5,000
1.5	Rawatan Perubatan Susulan di Malaysia* <i>Rawatan susulan dalam tempoh 60 hari selepas pulang ke Malaysia.</i>	Sehingga 70 tahun Melebihi 70 tahun	10,000 5,000	10,000 5,000	10,000 5,000
1.6	Manfaat Penjagaan Kanak-kanak*	Setiap Individu	5,000	5,000	T/B
1.7	Elaun Hospital*	Setiap Hari (24 jam) Setiap Individu	250 10,000	250 10,000	T/B
1.8	Elaun Kuarantin Luar Negara akibat COVID-19* <i>Kuarantin di Kemudahan yang Ditetapkan di luar negara</i>	Setiap Individu	2,000	2,000	1,000
*Tertakluk kepada had maksimum yang perlu dibayar untuk perkara 1.1					
2.	KEMALANGAN DIRI				
2.1	a) Kematian akibat Kemalangan	Setiap Individu	250,000	200,000	100,000
	b) Kehilangan Upaya Kekal Menyeluruh	Setiap Individu	250,000	200,000	100,000
	c) Kehilangan penglihatan pada sebelah atau kedua-dua belah mata dan/atau kehilangan satu atau lebih anggota	Setiap Individu	250,000	200,000	100,000
3.	PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN & REPATRIASI				
3.1	Pemindahan Perubatan Kecemasan/ Repatriasi	Setiap Individu	250,000	250,000	250,000
3.2	Repatriasi Jenazah	Setiap Individu	250,000	250,000	250,000
	Had maksimum yang perlu dibayar untuk perkara 3.1 dan 3.2	Melebihi 70 tahun	150,000	150,000	150,000
4.	KESULITAN PERJALANAN & MANFAAT LAIN BERKAITAN PERJALANAN				
4.1	Kehilangan Bagasi dan Barangan Peribadi <i>RM500.00 setiap satu, sepasang atau set barangan Maksimum RM2,000 jumlah keseluruhan untuk Barangan Berharga</i>	Setiap Individu	5,000	5,000	T/B
4.2	Kelewatan Bagasi <i>RM200.00 untuk setiap kelewatan 6 jam penuh berturut-turut</i>	Setiap Individu	800	800	T/B
4.3	Wang Peribadi & Dokumen Perjalanan <i>Kehilangan Wang dibayar sehingga RM800.00</i>	Setiap Individu	5,000	5,000	T/B
4.4	Kelewatan Perjalanan <i>RM200.00 untuk setiap kelewatan 6 jam penuh berturut-turut</i>	Setiap Individu	3,000	3,000	T/B
4.5	Laluan Perjalanan Diubah <i>RM200.00 untuk setiap kelewatan ketibaan 6 jam penuh berturut-turut</i>	Setiap Individu	200	200	T/B
4.6	Kehilangan Deposit atau Pembatalan	Setiap Individu	15,000	15,000	T/B

4.7	Pemendekan Perjalanan	Setiap Individu	15,000	15,000	T/B
4.8	Perjalanan Terlebih Tempahan <i>RM200.00 untuk setiap 6 jam penuh berturut-turut untuk penerbangan umum berjadual yang terlebih tempahan dan pengangkutan alternatif tidak disediakan.</i>	Setiap Individu	1,000	1,000	T/B
4.9	Kesilapan Sambungan Perjalanan <i>RM200.00 jika pengangkutan alternatif tidak disediakan dalam tempoh 4 jam dari waktu ketibaan sebenar.</i>	Setiap Individu	200	200	T/B
4.10	Kesulitan akibat Perampasan <i>RM1,000.00 untuk rampasan setiap 24 jam penuh berturut-turut.</i>	Setiap Individu	8,000	8,000	T/B
4.11	Ketinggalan Perlepasan	Setiap Individu	1,000	1,000	T/B
4.12	Kehilangan Deposit atau Bayaran Penuh akibat Insolvensi Syarikat Penerbangan	Setiap Individu	5,000	5,000	T/B
4.13	Liabiliti Diri	Setiap Individu	1,000,000	1,000,000	T/B

Sambungan Perlindungan Secara Automatik

Sekiranya berlaku kelewatan di luar kawalan **Anda** semasa **Perjalanan Anda** dengan **Pengangkut Berjadual** disebabkan oleh **Kecederaan Serius/Penyakit Serius Anda** atau kelewatan tidak dapat dielakkan bagi **Pengangkut Berjadual** dan ini menyebabkan perjalanan pulang tidak dapat diselesaikan dalam **Tempoh Insurans**, maka perlindungan akan dilanjutkan secara automatik sehingga 30 hari tanpa membayar premium tambahan atau tempoh lain sewajarnya yang diperlukan untuk melengkapkan perjalanan, dengan syarat yang mana-mana satu peristiwa boleh diterima pada mulanya dan **Anda** mempunyai bukti untuk menjelaskan kelewatan tersebut.

Nota: Untuk penerangan penuh tentang manfaat, sila rujuk kepada Kontrak Polisi.

Pengecualian :

Kami tidak melindungi/membayar untuk tuntutan yang:

1. Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau akibat daripada:
 - a) **Penyakit Sedia Ada Anda**;
 - b) **Anda** membunuh diri atau cuba membunuh diri, mencederakan diri dengan sengaja, mendedahkan diri dengan sengaja kepada bahaya (selain percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia) atau melakukan sebarang tindakan jenayah;
 - c) **Anda** berada di bawah kesan atau pengaruh alkohol atau ubat-ubatan, melainkan ubat tersebut diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan;
 - d) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) dan penyakit berkaitan Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV) atau sebarang penyakit kelamin dan/atau derivatif atau variasi mutan walau apa pun puncanya;
 - e) Kehamilan **Anda**, kelahiran (termasuk bersalin secara pembedahan), pengguguran, keguguran dan komplikasi yang berkaitan kecuali keguguran akibat kecederaan tubuh disebabkan secara langsung daripada **Kemalangan**;
 - f) **Perjalanan Anda** adalah mengikut, atau menentang nasihat perubatan, atau dibuat semata-mata untuk tujuan mendapatkan rawatan, pemeriksaan perubatan yang bukan kecemasan atau pemeriksaan perubatan rutin;
 - g) Kegagalan **Anda** untuk mendapatkan sebarang vaksin mandatori, inokulasi atau ubat-ubatan yang ditetapkan sebelum **Perjalanan**.
 - h) Penyakit mental, psikotik, kemurungan, tekanan, kebimbangan atau gangguan saraf **Anda** (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya);
 - i) Apa-apa kerugian, **Kecederaan**, ganti rugi atau liabiliti undang-undang atau sebarang perjalanan terancang atau sebenar di atau melalui Afghanistan, Belarus, Cuba, Republik Demokratik Congo, Iran, Korea Utara, Somalia, Sudan Selatan, Sudan, Syria, Crimea (termasuk Sevastopol), Venezuela, dan Zimbabwe;
 - j) Apa-apa kejadian yang berlaku jika Polisi ini dibeli selepas **Perjalanan** dimulakan; atau
 - k) Apa-apa kejadian yang telah berlaku menyebabkan **Anda** tidak dapat atau tidak berupaya melakukan perjalanan dan di mana kejadian tersebut telah dimaklumkan kepada **Anda** atau diketahui **Anda** sewaktu **Anda** mengeluarkan Polisi atau apabila **Perjalanan** ditempah (yang mana lebih lewat).
2. Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku melalui, atau akibat daripada:
 - a) Penglibatan dalam sukan atau permainan dalam keupayaan profesional atau di mana **Anda** akan atau mungkin akan memperoleh pendapatan atau imbuhan daripada penglibatan dalam sukan atau permainan tersebut;
 - b) Penyertaan **Anda** dalam **Sukan dan Aktiviti Lasak**.
3. Berpunca daripada:
 - a) Aktiviti luar pesisir seperti selaman, perlombongan, kerja di pelantar minyak, fotografi udara atau pengendalian bahan letupan;
 - b) Perjalanan udara selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam **Pengangkutan Berjadual** atau pesawat sewa berlesen;
 - c) Penyertaan **Anda** dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, kerugian disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Kerajaan termasuk rampasan, penyitaan, pemusnahan dan sekatan;
 - d) Kehilangan atau kerosakan pada peralatan yang disewa atau dipajak, atau menguji apa-apa jenis kenderaan;
 - e) Pekerjaan di atas kapal dagang atau sebagai buruh kasar; perkhidmatan atau operasi tentera laut, tentera atau tentera udara, tugas tetap atau sementara, ketenteraan atau polis; peminjaman ke luar negara sebagai sebahagian daripada pekerjaan **Anda**; kerja kasar berkaitan dengan mana-mana perdagangan, pekerjaan atau profesion;
 - f) Tinjauan pemasangan atau kemudahan luar pesisir yang sedang dibina termasuk tinjauan dari pengangkutan udara;
 - g) Peperangan, pencerobohan, tindakan permusuhan terhadap musuh asing (sama ada perang telah diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, tindakan ketenteraan atau rampasan kuasa atau rampasan atau nasionalisasi atau rekuisi atau pemusnahan atau kerosakan harta benda di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan;
 - h) Apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang berkaitan dengan atau disebabkan oleh **Anda** melakukan sebarang Perjalanan selepas mendapat amaran tentang wabak penyakit, mogok, rusuhan atau kekecohan awam yang akan berlaku, atau bencana alam yang akan berlaku melalui media massa umum;
 - i) Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada bahan api nuklear yang menyinar atau daripada sisa nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear;
 - j) Sifat radioaktif, toksik, mudah meletup atau bahaya lain bagi sebarang pemasangan nuklear yang mudah meletup, atau untuk komponen nuklearnya;
 - k) Apa-apa serangan keganasan yang menggunakan bahan Nuklear, Biologi dan Kimia;
 - l) Penyertaan **Anda** secara langsung dalam tindakan pengganas; atau
 - m) Kerugian atau ganti rugi berbangkit dalam apa-apa bentuk yang timbul daripada mana-mana perkara di atas.

Premium Kasar (Tertakluk pada Cukai Perkhidmatan & Duti Setem):

Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung pada pilihan pelan, tempoh Perjalanan dan destinasi anda.

Jadual Premium (RM)

Bilangan Hari	Elite A	Elite B	Elite C
Kawasan 1: Australia, Brunei, Kemboja, China (tidak termasuk Tibet dan Mongolia Luar), Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, dan Vietnam.			
1 hingga 5	58.00	54.00	23.00
6 hingga 10	77.00	72.00	30.00
11 hingga 18	116.00	108.00	45.00
19 hingga 31	144.00	135.00	56.00
Setiap minggu tambahan selepas itu	35.00	33.00	14.00
Kawasan 2: Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada			
1 hingga 5	81.00	76.00	32.00
6 hingga 10	108.00	101.00	42.00
11 hingga 18	162.00	151.00	63.00
19 hingga 31	202.00	189.00	79.00
Setiap minggu tambahan selepas itu	49.00	46.00	19.00
Kawasan 3: Seluruh dunia			
1 hingga 5	104.00	98.00	41.00
6 hingga 10	138.00	130.00	54.00
11 hingga 18	208.00	195.00	81.00
19 hingga 31	260.00	243.00	101.00
Setiap minggu tambahan selepas itu	63.00	59.00	25.00

Negara-negara yang dikecualikan: Afghanistan, Belarus, Cuba, Republik Demokratik Congo, Iran, Korea Utara, Somalia, Sudan Selatan, Sudan, Syria, Crimea (termasuk Sevastopol), Venezuela dan Zimbabwe.

Termasuk dalam Premium (RM)

Komisen kepada pengantara insurans (jika ada)

Bilangan Hari	Elite A	Elite B	Elite C
Kawasan 1: Australia, Brunei, Kemboja, China (tidak termasuk Tibet dan Mongolia Luar), Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, dan Vietnam.			
1 hingga 5	14.50	13.50	5.75
6 hingga 10	19.25	18.00	7.50
11 hingga 18	29.00	27.00	11.25
19 hingga 31	36.00	33.75	14.00
Setiap minggu tambahan selepas itu	8.75	8.25	3.50
Kawasan 2: Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada			
1 hingga 5	20.25	19.00	8.00
6 hingga 10	27.00	25.25	10.50
11 hingga 18	40.50	37.75	15.75
19 hingga 31	50.50	47.25	19.75
Setiap minggu tambahan selepas itu	12.25	11.50	4.75
Kawasan 3: Seluruh dunia			
1 hingga 5	26.00	24.50	10.25
6 hingga 10	34.50	32.50	13.50
11 hingga 18	52.00	48.75	20.25
19 hingga 31	65.00	60.75	25.25
Setiap minggu tambahan selepas itu	15.75	14.75	6.25